

KUBELA



TAK KISAH KENA SEPIT

Keunikan rupa bentuk, dua penyepit berikan aura ketenangan pelihara lobster air tawar

FOKUS

#M2/10/24 pg 33 & 34

Oleh Nor 'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com.my

(PKP) pada 2020 untuk mengisi masa lapang, selain mahu dimakan apabila besar serta membiak.

Pada awalnya dia membeli haiwan itu daripada seorang peniaga di Hulu Langat, Selangor, kira-kira 30 ekor dan kini membiak lebih 10,000 ekor.

“Saya tertarik mahu memelihara lobster air tawar kerana terikat dengan rupa bentuknya dan dua penyepit yang menyerlahkan keunikan haiwan ini:

“Jika tersalah pegang haiwan ini boleh menyebabkan risiko disepit hingga berdarah.

“Haiwan dengan nama saintifik *Cherax quadricarinatus* redClaw (Redclaw) ini mempunyai tiga warna iaitu coklat kehijauan, oren dan biru,” katanya.

Mahu memiliki haiwan peliharaan lain daripada lain, mendorong lelaki ini memilih lobster air tawar sebagai haiwan kesayangan.

Walaupun dia sedar ‘ancaman’ jari berdarah kerana disepit haiwan itu, jika tersalah memegangnya.

Namun, haiwan itu mempunyai keistimewaan tersendiri kerana boleh memberikan aura ketenangan sebagai ‘healing’ dan menghilangkan tekanan.

Kasyful Aqran Ismail berkata, dia mula memelihara lobster air tawar ketika Perintah Kawalan Pergerakan



KOLAM peliharaan lobster air tawar.

Katanya, walaupun warna berbeza, tetapi cita rasanya adalah sama manakala harga lobster air tawar warna oren dan biru lima kali ganda lebih tinggi memandangkan ia lebih menarik dijadikan hiasan.

"Haiwan ini boleh membesar antara 12 hingga 15 sentimeter (cm) panjang dengan berat satu kilogram untuk 20 hingga 22 ekor.

"Lobster air tawar mengambil masa lima bulan untuk membesar dan mula mengawan pada usia lebih tiga bulan," katanya.

Kasyful Aqran berkata, penyakit yang biasa menyerang lobster air tawar ialah melepuh pada ekor.

"Ini kerana haiwan itu berjalan untuk bergerak yang turut menyebabkan ekornya terseret pada permukaan kolam atau akuarium.

"Air kolam atau akuarium yang kotor menyebabkan jangkitan dan seterusnya ekor lobster air tawar ini melepuh.

"Jika ini berlaku (ekor lobster air tawar melepuh) boleh menyebabkan dua keadaan iaitu sama ada terus bertahan atau mati akibat gagal salin kulit kelak," katanya.

Katanya lagi, selain itu ialah serangan parasit, tetapi jarang berlaku pada kolam di rumah sebaliknya biasa berlaku di kolam tanah kerana terdedah pencemaran persekitaran.

"Jika kualiti air kolam di rumah dijaga dengan baik, maka air ini menjaga



MELEPUH PADA EKOR

Penyakit yang biasa menyerang lobster air tawar akibat terseret pada permukaan kolam atau akuarium



KASYFUL Aqran menunjukkan lobster air tawar peliharaannya.

ternakan.

"Perkara penting membela lobster air tawar ialah menjaga tahap kualiti air daripada segi pH, ammonia, nitrit dan nitrat serta suhu," katanya.

Menurutnya, jumlah makanan diambil lobster air tawar adalah sedikit iaitu lima kali lebih

rendah daripada ikan tilapia dengan nisbah empat hingga lima peratus daripada jumlah berat badan lobster.

"Bagi makan secukupnya dan jangan berlebihan kerana menyebabkan air akuarium atau kolam bertukar menjadi toksik

serta boleh mengakibatkan haiwan ini mati.

"Untuk pembiakan, perlu diletakkan sepasang lobster air tawar dalam kolam selama sebulan bagi tujuan mengawan.

"Apabila usia telur mencapai dua minggu, perlu diasingkan lobster air tawar jantan daripada betina.

"Jika tidak diasingkan

mungkin lobster air tawar jantan tetap hendak mengawan. Ini menyebabkan lobster air tawar betina stres, lalu akan membuang telur berkenaan," katanya.

Tambahnya, lobster air tawar bersaiz 10cm boleh menghasilkan antara 300 hingga 400 telur ikut saiz untuk sekali mengawan.

Kasyful Aqran

berkata lagi, kini dia menganjurkan kursus penternakan dan perniagaan lobster air tawar dengan berkongsi ilmu serta pengalaman jatuh bangun dalam dunia ternakan lobster air tawar ini kepada masyarakat Malaysia yang berminat mengambil peluang menerokai dunia ternakan itu.



TELUR pada lobster air tawar betina.

Bagi makan secukupnya dan jangan berlebihan kerana menyebabkan air akuarium atau kolam bertukar menjadi toksik serta boleh mengakibatkan haiwan ini mati

**KASYFUL
AQRAN**